



Duduk dari kanan AZRI dan Vincent bersama sebahagian tenaga akademik PPIB UMSKAL.

# Buat kajian fokus isu semasa

Oleh HENRY BATING

► Demi meningkatkan daya saing memperoleh geran penyelidikan dari pelbagai sumber

UB 5.3.2014 84

**K**akitangan akademik Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) diminta lebih memandang ke hadapan untuk memfokuskan bidang penyelidikan berkaitan tentang isu semasa pembangunan negara demi meningkatkan daya saing memperoleh geran penyelidikan dari pelbagai sumber.

Dekan PPIB Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Vincent Pang berkata, pelbagai pihak baik kerajaan maupun badan persendirian menyalurkan geran penyelidikan melalui universiti bagi tujuan mengkaji pelbagai bidang yang relevan dengan isu semasa negara.

"Pengajuan cadangan penyelidikan memang berhadapan cabaran dari segi penilaian fokus dan kualiti penyelidikan menyebabkan banyak proposal yang diajukan memerlukan pembaikan malahan semakan semula sebelum memperoleh kelulusan geran," katanya.

**“Pelbagai pihak baik kerajaan maupun badan persendirian menyalurkan geran penyelidikan melalui universiti bagi tujuan mengkaji pelbagai bidang yang relevan dengan isu semasa negara. Pengajuan cadangan penyelidikan memang berhadapan cabaran dari segi penilaian fokus dan kualiti penyelidikan menyebabkan banyak proposal yang diajukan memerlukan pembaikan malahan semakan semula sebelum memperoleh kelulusan geran.**

**PROF DR VINCENT PANG**  
Dekan PPIB UMS

Ketika menemui kakitangan akademik PPIB UMS Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) baru-baru ini, Vincent menyatakan bahawa seperti yang diketahui warga kampus terdapat juga cadangan penyelidikan yang ditolak disebabkan kurang relevan dengan isu yang sedang berada di hadapan dalam

arus pembangunan negara. Terdahulu, Ketua Penyelaras PPIB UMSKAL Dr Mohd Azri Ibrahim memaklumkan bahawa 15 kakitangan akademik yang ada di pusat berkenaan memiliki kemampuan untuk melaksanakan kajian mengikut bidang masing-masing yang berkaitan pelbagai bahasa, Hubungan

Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta Etika Dalam Sains. PPIB UMSKAL turut dianggotai kakitangan akademik dari luar negara bagi pengajaran bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Manakala beberapa pensyarah sedang bercuti belajar untuk menyiapkan Ph.D dan post-doktoral di dalam dan luar negara.